

Individu gagal buat laporan turut dihukum

PUTRAJAYA - Individu yang didapati gagal membuat laporan ke atas jenayah seksual terhadap kanak-kanak akan turut diheret ke muka pengadilan kerana dianggap bersabahat.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat hari ini, antara lain menetapkan individu yang tidak melaporkan jenayah berkenaan akan dianggap bersabahat dan boleh dikenakan denda RM5,000.

"Malah, jika semua ahli keluarga (mangsa jenayah seksual) gagal melaporkan jenayah berkenaan, mereka semua akan turut dikenakan tindakan undang-undang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Transit Remaja Kafe@Teen Putrajaya, semalam.

Rohani menjelaskan, perkara itu diketengahkan dalam RUU berkenaan kerana sebelum ini kebanyakan kes jenayah itu tidak dapat dibawa ke muka pengadilan disebabkan kegagalan mendapatkan keterangan daripada saksi.

Katanya, mengikut statistik, 80 peratus kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dilakukan oleh



Rohani merasmikan Pusat Transit Remaja Kafe@Teen di Pusat Kejiranan Presint 16.

individu yang dikenali mangsa.

"Si pelaku ini termasuklah bapa, abang, bapakaudara dan kenalan keluarga lain, yang mana kebanyakannya gagal untuk diajili kerana keluarga tidak mahu membuat laporan bagi menjaga aib keluarga," katanya.

Rohani berkata, adalah sesuatu yang memilukan apabila mangsa tidak mendapat pengadilan yang sepatutnya kerana keluarganya tidak mahu menanggung malu.

"Saya tidak mahu suatu hari nanti, negara kita akan menjadi syurga dalam kalangan pedofilia kerana

kurangnya penguatkuasaan dan kesedaran, yang menjadikan anak-anak kita mudah menjadi mangsa mereka," katanya.

RUU Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dibentangkan di Dewan Rakyat, Selasa

lalu untuk bacaan kali pertama.

Antara peruntukan baharu yang terkandung dalam RUU berkenaan termasuk kesalahan berkaitan pornografi kanak-kanak, aktiviti dandanan kanak-kanak, serangan seksual dan serangan seksual fizikal serta bukan fizikal. *-Bernama*

JENAYAH /
SEKSUAL /
KANAK - KANAK